

# Masalah Sosial Di Kalangan Remaja

- Prof. Madya Dr. Azizi Hj. Yahaya
- Universiti Teknologi Malaysia

# PENGENALAN

- Masalah salah laku pelajar semakin serius dan membimbangkan kebelakangan ini.
- Kejadian salah laku pelajar seperti bergaduh, menyerang, membunuh, membakar sekolah kerap dipaparkan diakhbar-akbar.
- Salah laku pelajar hangat diperkatakan dan mendapat perhatian daripada segenap lapisan masyarakat kerana mereka bakal pewaris dan penentu pembangunan negara

- Pada masa lalu masalah disiplin pelajar sekolah hanya berkisar di sekitar kenakalan mereka seperti melawan guru, melanggar peraturan kelas, tidak memenuhi keperluan kerja sekolah, merosakkan harta benda awam, ponteng sekolah, merokok, melepak tiada kekemasan diri dan sebagainya.
- Namun sejak akhir ini tingkah laku mereka semakin berani dengan melakukan pelbagai salah laku dan jenayah berat termasuklah mencederakan orang, membunuh, merogol, menyamun, menonton video lucu, berzina/berkhalwat dan sebagainya

## DALAM KEKALUTAN SEPERTI INI ...

- Siapakah yang harus dipersalahkan?
- Siapakah yang harus bertanggungjawab?
- Bagaimanakah Boleh terjadi?
- Apakah yang perlu dilakukan?

# LATAR BELAKANG MASALAH

- Dasar pendidikan telah digubal dan disesuaikan dari masa ke semasa untuk meningkatkan mutu sistem pendidikan bagi memenuhi keperluan semasa dan akan datang.
- Konsep dan proses pendidikan juga telah merangkumi aspek intelek, jasmani serta pembinaan akhlak yang mulia, berani, hormat menghormati dan memperkembangkan potensi individu hingga ke peingkat optimum bagi menjadikan mereka rakyat yang berguna kepada masyarakat dan negara.

- Namun begitu keberkesanan daripada pendidikan yang diharapkan tidak dapat membentuk sahsiah dan peribadi pelajar yang diharapkan.
- Tanpa menuding mana-mana pihak, setiap individu perlu insaf bahawa delikuenasi dan keruntuhan akhlak pelajar menandakan ada kesilapan pada bahagian tertentu dalam pendidikan samada formal dan tidak formal.
- Masyarakat juga perlu insaf bahawa pendidikan bukanlah tugas pihak tertentu tetapi adalah amanah dan tanggungjawab semua meliputi individu, ibu bapa, kepimpinan masyarakat dan negara

- Rancangan Malaysia ke 7 (1995-2000) mencatatkan bilangan remaja pada tahun 1995 ialah kira-kira 19.2 % daripada keseluruhan penduduk Malaysia.
- Menjelang tahun 2020 bilangan ini akan bertambah kepada 20 juta orang.
- Kedudukan ini menjadikan remaja sebagai satu kumpulan penting dalam meneraju masa depan negara.
- Tindakan pencegahan perlu dilakukan segera untuk membendung lebih ramai lagi pelajar terjebak dengan keruntuhan moral.

# Hirerki Peratusan keterlibatan salahlaku Remaja Johor

Bil	Jenis Salah laku	Darjah keterlibatan (%)
1	Lepak	49.9
2	Bergaduh	48.8
3	Baca/tonton bahan /cerita lucu	29.7
4	Bertumbuk	24.6
5	Memberontak	22.8
6	Vandalisme	17.9
7	Merokok	16.1
8	Minumarak	10.6
9	Gangsterisme	8.3
10	Peras ugut	7.3
11	Bercumbuan/khalwat	6.2
12	Lari dari rumah	4.9
13	Pil khayal/ectacy	3.9
14	Menghisap dadah/ganja	3.6
15	Konsi gelap	3.2
16	Persetubuhan haram	1.9
17	Melacurkan diri	1.3
18	Hamil/gugurkan kandungan	0.7



# Keterlibatan Salah laku Remaja Melayu Johor

Bil	Jenis Salah Laku	Keterlibatan Remaja Melayu (%)
1	Menghisap dadah	75.9
2	Merokok	83.7
3	Gangsterisme	66.7
4	Kongsi gelap	58.5
5	Merosakkan harta awam	71.6
6	Bercumbu/khalwat	64.4
7	Peras ugut	76.5
8	Memberontak	58.4
9	Baca/tonton bahan lucah	73.7
10	Pil khayal/ectacy	68.3
11	Bergaduh	76.7
12	Bertumbuk	80.6
13	Lari rumah	75.0
14	Lepak	76.2

## Bilangan pesalah dibawah umur 18 tahun mengikut daerah, Negeri Johor 1997

Daerah	Bilangan Pesalah %
Johor Bahru	174 (32.2)
Kota Tinggi	95 (17.6)
Batu Pahat	87(16.1)
Muar	55(10.2)
Mersing	43(8.0)
Kluang	40(7.4)
Pontian	31(5.8)
Segamat	14(0.7)
<b>Jumlah Besar</b>	<b>539</b>

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

## Jadual 2.: Tangkapan juvana terlibat dengan jenayah tahun 1990 hingga 1997

Jenis Jenayah	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997
Bunuh	6	7	17	14	12	7	26	26
Samun	51	23	60	62	51	58	68	108
Rogol	28	25	37	50	66	70	95	117
Mendera	84	58	112	112	103	154	263	357
Pecah Rumah	485	317	482	539	430	472	399	523
Mencuri	709	504	827	969	930	2,134	1,130	1,065
Jumlah Besar	1,363	934	1,535	1,746	1,592	2,895	1,999	2,196

- Usaha membentaras gejala sosial pelajar sekolah perlu dibuat secara serius kerana ia mengakibatkan kerosakan sosial dan menjejaskan kestabilan dan keharmonian sosio-ekonomi negara.
- Kesungguhan kerajaan dalam menangani gejala sosial merupakan satu usaha positif untuk mengawal tingkah laku pelajar.
- Pelbagai program dan cadangan telah diutarakan dan dilaksanakan melalui seminar, diskusi dan bengkel.

- Kerajaan juga telah mengeluarkan peruntukan yang besar bagi menjalankan program untuk remaja seperti rakan muda, Remaja Bebas Tanpa AIDS (PROSTAR), Remaja Sakinah, Bina Diri dan sebagainya.
- Namun usaha yang dijalankan masih dipersoalkan kerana ia masih tidak mampu untuk membendung salah laku pelajar sehingga timbulnya cadangan untuk melaksanakan perintah berkurung kepada remaja pada waktu malam.

# FAKTOR-FAKTOR DELIKUENSI

- Faktor –faktor yang mempengaruhi delikuenSI pelajar. ditinjau :-
  1. Faktor Ekologi Keluarga
  2. Sekolah
  3. Rakan Sebaya
  4. Media massa/Internet
  5. Modenisasi.

# Faktor Ekologi Keluarga

1. Faktor sosio-ekonomi keluarga – pendapatan, pendidikan, pekerjaan, Tempat tinggal, struktur keluarga.
2. Penglibatan ahli keluarga dalam gejala sosial penagihan dadah, minum arak, merokok, mencederakan orang, kaki perempuan.

- Hubungan komunikasi dan kasih sayang – kurang komunikasi dan kasih sayang.
- Gaya keibubapaan – sokongan, dorongan, kawalan, perhatian, pengawasan, memberi kebebasan, permissive (membenarkan)
- Pengabaian keluarga – pengasingan
- Keruntuhan rumahtangga – perceraian, perpisahan dan pergaduhan ibu bapa



# Faktor Ekologi Sekolah

1. Tekanan yang dihadapi oleh pelajar di sekolah - tekanan guru, pembelajaran, rakan-rakan dan peraturan.
2. Konflik jiwa, pemberontakan batin dan rasa tidak puas hati pelajar terhadap undang-undang dan dasar pendidikan menyebabkan mereka melakukan perkara-perkara diluar jangkauan.

# Faktor Rakan Sebaya

- Menyumbang kepada berlakunya salah laku terutama kepada pelajar-pelajar yang tercicir dalam pelajaran dan mengalami masalah keluarga
- Rakan sebaya boleh mencorak personaliti individu.
- Justeru itu ibu bapa perlu tahu dengan siapa anak mereka berkawan

# FAKTOR MEDIA MASSA/INTERNET

- Internet – kesan buruk. mudah memperolehi maklumat/gambar berunsur negatif.
- Unsur ganas, seram, lucu dan melalaikan.
- Boleh menjerumuskan remaja kepada penipuan dan akhirnya terperangkap dengan seks terutama melalui chatting.

# Faktor modernisasi

- Proses transformasi dan sosial dalam masyarakat sebagai kesan daripada perindustrian.
- Masyarakat tradisional menggantikan atau memodenkan sikap, autoriti, hubungan dan nilai-nilai lama kepada nilai baru.
- Gaya hidup dan tradisi berubah kepada cara hidup moden seiring pertumbuhan kilang, pusat hiburan, taman-taman tema.

# FAKTOR AGAMA

- Tidak menitik beratkan agama
- Mengkesampingkan agama demi mengejar modernisasi
- Kekurangan dan kelemahan iman

# STRATEGI

- Kesedaran dan Pengukuhan
- Sistem Sokongan Keluarga

# Kesedaran dan Pengukuhan

- kepada keluarga – ibu bapa, anak-anak dan masyarakat secara berterusan. Program berbentuk pendidikan dan pembelajaran antaranya :-
  - Terapi keluarga
  - Kemahiran keibubapaan
  - Kaunseling keluarga dan remaja

# Sistem Sokongan Keluarga

- Sokongan melalui sistem pendidikan.
  1. Menyediakan pusat khidmat sokongan pelajar dan kaunseling disekolah yang lebih berkesan dan proaktif
  2. Menyediakan program-program yang boleh membentuk sahsiah pelajar secara menyeluruh.



- Sokongan melalui pembiayaan kepada keluarga yang berpendapatan rendah.
  1. Mengenalpasti pelajar-pelajat dari golongan yang berpendapatan rendah. Memberi sokongan dan dorongan berbentuk kewangan dan moral untuk pendidikan mereka.
  2. Menyalurkan bantuan modal, kemahiran atau pengetahuan kepada keluarga mereka bagi meningkatkan pendapatan

- Sokongan Melalui sistem Komuniti
- Berasaskan program kemasyarakatan setempat
- Bersama-sama bertanggungjawab memelihara keharmonian ahli komuniti
- Konsep saling memerlukan dan lengkap melengkapi. Memabantu, membimbing, menasihati anak-anak remaja di dalam komuniti mereka.
- Aktiviti kemuafakatan bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan dan komuniti.

# RUMUSAN

- Remaja /pelajar merupakan aset negara, penyambung warisan dan masa depan negara.
- Remaja pada alaf ini berhadapan dengan cabaran yang sangat hebat, berhadapan dengan teknologi dan modenisasi.
- Keluarga, sekolah, komuniti, pemimpin dan kerajaan harus sama-sama berganding bahu membentuk sahsiah diri pelajar dari terjerumus kepada keruntuhan akhlak yang boleh memusnahkan masa depan negara.

# SALAH SIAPA?



# KURANG AGAMA?



# MUNGKIN TIDAK?



Asyiknya...



# Kenapa?





# Tidak Percaya?



# Macam tak percaya!



# Sungguh kurang Asam!



# Kenapa? terkejut?



Ada orang intip?



# Tak paham Jantan Nie



**Hah ! Tidakkk**



# Ya Allah! Apa Yang Aku lakukan





KESIAN

**SEKIAN**

**SEKADAR RENUNGAN**

**TERIMA KASIH**